

SIARAN SEGERA**KENYATAAN MEDIA****MANFAATKAN KUTIPAN +1 SEMINGGU SEKALI**

MELAKA, 17 DISEMBER 2020 – Penduduk di taman perumahan disaran memanfaatkan kutipan +1 yang dijadualkan seminggu sekali oleh **SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment)** bagi menguruskan sisa pukal, sisa kebun dan barangan kitar semula.

Pengurus Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan SWM Environment, Dr Al’Ashari Othman berkata, ini kerana masih ada penduduk yang gemar melonggokkan sisa pukal dan sisa kebun secara haram di tempat yang tidak sepatutnya dalam kawasan taman perumahan.

Katanya, tindakan tidak bertanggungjawab ini boleh mendatangkan bahaya kepada penduduk seperti peningkatan wabak denggi, menjadi tempat persembunyian haiwan liar dan risiko banjir kilat.

“SWM Environment sering menerima aduan mengenai sisa pukal dan sisa kebun yang dibuang dan dilonggokkan sesuka hati oleh penduduk di tempat yang tidak sepatutnya seperti di tepi-tepi jalan, padang dan kawasan longkang di taman perumahan. Sedangkan, SWM Environment sudah menyediakan perkhidmatan mengutip sisa pukal dan sisa kebun di kawasan perumahan seminggu sekali.

“Penduduk hanya perlu mengumpulkan sisa pukal dan sisa kebun di tepi tong sampah beroda di hadapan rumah masing-masing mengikut jadual yang telah ditetapkan dan pihak SWM Environment akan membuat kutipan menggunakan lori terbuka (*open tipper*). Sekiranya semua penduduk dapat memanfaatkan jadual kutipan +1 ini, persekitaran taman yang bersih dan selesa pasti dapat dicapai,” katanya.

Tambah Dr Al’Ashari, masih ramai juga yang keliru dengan jenis sampah dalam kategori sisa pukal dan sisa kebun serta cara menguruskannya dengan betul.

“Sisa pukal merujuk kepada sisa peralatan rumah yang besar seperti almari, sofa, tilam, perabot dan sebagainya. Manakala, sisa kebun merujuk kepada sisa halaman rumah seperti daun kering, ranting, pelepah pokok dan rumput.

“Sisa pukal dan sisa kebun ini perlu diikat dengan kemas atau dibungkus dalam beg plastik dan diletakkan di tepi tong sampah beroda di hadapan rumah masing-masing mengikut hari kutipan sebelum jam 7.30 pagi,” katanya.

Bagaimanapun, menurut beliau, SWM Environment tidak menguruskan sisa pokok berskala besar yang ditebang oleh penduduk kerana ianya di luar skop kerja syarikat ini.

“SWM Environment hanya mengutip sisa cantasan pokok yang kecil. Bagi sisa tebaran dahan atau batang pokok dalam skala yang besar, penduduk perlu melantik atau mengupah kontraktor berlesen untuk memungut dan menghantar sisa tersebut ke tapak pelupusan sampah.

“Justeru itu, penduduk hendaklah memastikan sisa pukal dan sisa kebun yang dilupuskan itu berskala kecil, dapat dimasukkan ke dalam beg plastik sampah atau diikat kemas dan boleh diangkat menggunakan tenaga manusia. Penduduk turut dinasihatkan agar tidak melakukan kerja-kerja penebangan pokok di kawasan perumahan tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT),” katanya.

Tambahnya lagi, selain sisa pukal dan sisa kebun, jadual kutipan +1 seminggu sekali turut merangkumi kutipan bagi sisa yang boleh kitar semula.

“Sisa pukal dan sisa kebun akan dilupuskan ke tapak pelupusan sampah manakala barangan kitar semula akan dihantar ke pusat pengumpulan barangan kitar semula untuk proses seterusnya. Sila rujuk papan tanda jadual kutipan di pintu masuk taman perumahan anda atau hubungi Talian Indahkan Malaysia di 1-800-88-7472 untuk maklumat lanjut,” katanya.

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.



Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Noor Che Wah Ramli

Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn Bhd

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,
Kawasan Perindustrian Cheng,
75250 Melaka.

(Tel) 06-3350191

(Faks) 06-3350117